

06/07/2002

Henti caci pemimpin BN (HL)

Norbakti Alias; Kadir Dikoh; Hassan Omar; Zainuddin Isa  
ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan pemimpin Pas supaya menghentikan sebarang bentuk cacian dan memaki pemimpin Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata, umat Islam mesti berpegang kepada ajaran Islam sebenar dan berbaik-baik sesama umat demi kebaikan semua.

"Kita tak nak maki, itu bukan cara kita. Kita nak suruh depa pegang pada ajaran agama. Kalau ada perbezaan pendapat pun, janganlah sampai hendak maki orang, tak baik.

"Depa kata saya firaun... adakah patut? Baru-baru ini ada satu orang kata saya nak jadi God (Tuhan)... God gila pula. Inilah kali pertama 'Tuhan' letak jawatan. 'Tuhan' mana yang nak bersara.

"Dia cakap merapu saja, tak baik kata macam itu. Wahai Mohamad Sabu, janganlah... bila nak cakap, ingat pada Allah," katanya ketika berucap di hadapan lebih 15,000 orang yang menunggu kepulangan beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas di sini, pagi ini.

Ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke negeri kelahirannya sejak menggemparkan negara dengan pengumuman peletakan jawatannya dalam kerajaan dan politik pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, 22 Jun lalu.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba dari Kuala Lumpur, kira-kira jam 9 pagi untuk mengadakan lawatan setengah hari ke kawasan Parlimennya di Kubang Pasu sebelum berlepas ke Chiang Mai pada jam 3.30 petang ini untuk lawatan kerja dua hari ke Thailand.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menasihatkan penyokong BN supaya tidak meniru sikap pembangkang, sebaliknya menyerahkan kepada Tuhan untuk membalas setiap perbuatan pemimpin pembangkang itu.

"Kita tidak mahu berperang dengan parti lawan dan memaki serta mencaci mereka kerana tindakan itu tidak betul. Cakap mereka juga merapu," katanya.

Sejak beberapa hari lalu, RTM turut menyiarkan sedutan ceramah Mohamad Sabu yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai 'gila' dan 'haprak' yang tidak layak menjadi pemimpin.

Selain itu, RTM menyiarkan petikan sajak Ahli Parlimen Sik dari Pas, Datuk Shahnnon Ahmad, yang antara lain meminta Dr Mahathir cepat mati.

Di PUTRAJAYA, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula mengingatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan budaya politik benci membenci yang diamalkan pemimpin Pas.

"Ini adalah cara Pas. Cara Pas adalah cara serangan peribadi, cara hendak hentam, hendak serang peribadi pemimpin Umno. Mereka mahu supaya rakyat membenci kita.

"Jadi dengan itu mereka cakap yang bukan-bukan... tidak ada sempadan, tidak ada had, tak sopan lagi dah, cakap ikut suka.

"Ini melambangkan mereka benci kita dan mengharapkan rakyat sama-sama bencikan pemimpin negara, khususnya Dr Mahathir, saya dan ramai lagi. Itu cara politik mereka... mana ada mereka menyatakan sesuatu yang mereka hendak buat kalau mereka diberi peluang untuk memerintah," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Pembinaan dan Pengangkutan Korea Selatan, Lim In-Taik di pejabatnya, hari ini.

Abdullah berkata, pemimpin Pas cuma berkata yang mereka ingin membuat sesuatu yang baik untuk Islam, tetapi hingga hari ini tidak ada bukti dengan pimpinan Pas di Kelantan dan Terengganu, kedua-dua negeri itu masih mundur.

"Jadi kalau kita cakap pasal Islam, sebenarnya Umno lebih banyak jasanya kepada Islam kerana Umno berjuang untuk mendapatkan kuasa politik dan kuasa politik itu digunakan untuk membuat baik untuk agama, bangsa dan negara.

"Kita tidak memperalatkan agama kita... menggunakan hadis, menggunakan ayat Quran untuk membolehkan kita dapat undi dan sokongan rakyat. Itu adalah satu perbuatan yang tidak baik dan tidak boleh diterima... mengeksploitasi agama untuk mendapat sokongan politik," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata beliau tidak menghalang RTM menyiarkan kelakuan pemimpin Pas kerana ia akan membolehkan rakyat menilai sendiri parti pembangkang.

"Biarlah rakyat tahu supaya boleh menilai kepemimpinan mereka, peribadi mereka, cara mereka. Rakyat Malaysia bukan mudah diperbodohkan, mereka pandai, mereka pun bijak, mereka tahu apa yang baik dan apa yang tidak baik," katanya.